

## PEWARISAN HARTA PUSAKA GOLONGAN INTERSEX DAN TRANSGENDER

MOHD KAMARUL KHAIDZIR BIN SAADAN  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,  
Bangi, Selangor.  
[khaidzir@kuis.edu.my](mailto:khaidzir@kuis.edu.my)

MOHD ROFAIZAL IBHRAIM  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,  
Bangi, Selangor.  
[mohdrofaizal@kuis.edu.my](mailto:mohdrofaizal@kuis.edu.my)

### ABSTRAK

*Isu yang melibatkan kelainan dan kecelaruan jantina telah menjadi polemik kepada masyarakat sejak sekian lama. Isu ini bukan hanya melibatkan keharmonian keluarga dan hubungan sosial malah turut berkait-rapat dengan ikatan perkahwinan dan pewarisan harta. Tafsiran yang tepat terhadap golongan Intersex dan transgender adalah perlu agar tidak menimbulkan keraguan dan salah faham masyarakat dan pihak-pihak yang berkenaan. Kajian ini dilakukan untuk menerangkan perbezaan antara intersex dan transgender dari perspektif fiqh dan sains moden. Penentuan status jantina kedua-dua golongan tersebut diperlukan agar proses pembahagian harta pusaka menepati tujuan pensyariatan. Metode kajian ini adalah melalui pendekatan kualitatif dimana rujukan dokumentasi dilakukan dengan membuat penelitian ke atas data-data dan maklumat-maklumat daripada buku, jurnal, kertas kerja, dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan. Dapatan menunjukkan teori penentuan status intersex dan transgender di dalam kitab fiqh klasik adalah terlalu umum dan perlu ditambahbaik. Manakala kajian sains moden pula lebih menyeluruh dan terperinci meliputi aspek genetik, kromosom, psikologi dan lain-lain. Seharusnya penemuan-penemuan dari kajian tersebut diselarikan dengan isu-isu fiqh kontemporari. Maka dengan itu diharapkan dapat memberi input tambahan dan kefahaman kepada masyarakat terhadap golongan intersex dan transgender dalam Sistem Pewarisan Islam.*

**Kata kunci:** Intersex, Transgender, Pewarisan, Harta Pusaka, Islam.

### 1.0 PENDAHULUAN

Manusia diciptakan dengan dua jantina yang berbeza iaitu lelaki dan perempuan. Dengan perbezaan ini membolehkan mereka menjalinkan hubungan kasih sayang, membina keluarga dan membiak keturunan. Allah SWT telah menjelaskan hal ini dalam firman-Nya:

Maksudnya:

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang

lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).”

(al-Qur’ān, Al-Hujurat: 13)

Namun begitu terdapat satu lagi jenis manusia yang mempunyai dua jantina iaitu golongan khunsa. Golongan ini tidak dipinggirkan dalam kajian dan perbincangan para sarjana fikah. Justeru mereka telah membahagikan tiga kategori jantina iaitu lelaki, perempuan dan khunsa.

## 2.0 PENGERTIAN INTERSEX DAN TRANSGENDER

### 2.1 Pengertian Intersex

Perkataan intersex datang dari perkataan Inggeris yang bermaksud khunsa iaitu seseorang yang mempunyai dua alat kelamin lelaki dan perempuan atau orang yang tiada langsung mempunyai kedua-duanya (Joyce, 2007; Kamus Dewan, 2004). Selain intersex, istilah hermaphrodite turut digunakan oleh pakar-pakar perubatan. Menurut mereka intersex boleh berada dalam keadaan empat kemungkinan:

- i. 46, XX intersex - Seseorang yang mempunyai organ seks dalaman wanita, tetapi organ seksual luarannya adalah lelaki.
- ii. 46, XY intersex - Seseorang yang mempunyai kromosom lelaki, tetapi yang luarannya adalah wanita.
- iii. ‘*True Gonadal Intersex*’ - Seseorang yang boleh digambarkan sebagai seorang khunsa, mempunyai ovari dan tisu testis.
- iv. Isu kompleks atau Pelayan Pembangunan Seksual (*Undetermined Issues of Sexual Development*) - Mengikut variasi syarat-syarat di atas atau keadaan seksual yang masih belum dikelaskan lagi.

Ujian boleh dilakukan untuk menentukan status intersex ini termasuk dengan menganalisis kromosom dan hormon. Selain itu ujian *ultrasounds* juga boleh mengesan organ dalaman seksual yang tidak konsisten dengan jantina seseorang itu. Walaupun penentuan lelaki atau perempuan mungkin mudah berdasarkan ciri-ciri jantina, namun adakalanya kekeliruan tertentu boleh berlaku antaranya (Wan Azmi, 1991):

- i. Kekeliruan yang boleh dilihat dengan mata kasar, seperti bentuk zakar yang terlalu kecil dan berbentuk luar biasa atau kehadiran faraj bersama dengan zakar. Biasanya ibu bapa akan menentukan alat kelamin mana yang lebih ketara dan mereka memberikan label ‘lelaki’ atau ‘perempuan’ kepada anaknya berdasarkan kepada penilaian kasar mereka itu.
- ii. Kekeliruan yang dapat dilihat melalui pemeriksaan yang lengkap. Pemeriksaan boleh dilakukan untuk menentukan sama ada alat-alat dalaman seseorang itu lebih mirip kepada

seorang perempuan, seperti adanya rahim, saluran *fallopian* dan *ovary*, ataupun tidak. Adakalanya bayi itu mempunyai zakar yang jelas tetapi ia juga mempunyai rahim seorang perempuan. Pemeriksaan juga perlu dibuat bagi kromosom yang terdapat di dalam sel-sel tubuhnya sama ada berbentuk XY (kombinasi kromosom lelaki) ataupun XX (bagi seorang wanita). Paras hormon jantinya, iaitu oestrogen dan androgen, juga menentukan pembentukan perbezaan sifat-sifat fizikal kejantinaan, terutama sekali semasa dan selepas peringkat akil baligh. Walaupun seseorang mempunyai kedua-dua hormon lelaki yang lebih banyak daripada hormon perempuan dan bagi seorang perempuan keadaan ini adalah sebaliknya.

## 2.2 Pengertian Transgender

Transgender ialah satu keadaan di mana seseorang cenderung mengenalpasti diri mereka dengan gender yang tidak konsisten dengan jantina biologi mereka. Menurut beberapa pengkaji, golongan transeksual ini mengalami kecelaruan gender iaitu merasai dirinya terperangkap dalam tubuh yang salah, di mana mereka berkeinginan untuk memiliki jantina yang berlawanan dari yang ditentukan sejak lahir.

Menurut Clarke (2010) transgender ialah istilah bagi orang yang identiti jantina, ekspresi jantina dan atau tingkah lakunya berbeza dengan budaya yang berkait dengan seks yang telah ditetapkan padanya ketika lahir. Penderita transgender ialah orang yang mengalami ketidaksepadanan antara identiti jantina atau ekspresi jantina, dan seks yang telah ditetapkan. (Clarke, 2010)

Istilah transeksual ini merujuk kepada lelaki transeksual iaitu seorang lelaki yang mahu menjadi seorang perempuan dalam semua aspek manakala perempuan transeksual pula ialah seorang perempuan yang mahu menjadi seorang lelaki dalam semua aspek. Mereka ini dilahirkan dengan organ seks yang tidak dikehendaki oleh mereka dan mereka mahu menukarnya dengan organ seks jantina yang berlainan (Siti Norizan Yusoff, 2001).

Kecelaruan identiti jantina atau *Gender identity disorder* (GID) yang sering digelar sebagai 'transsexualism' adalah ciri-ciri konflik antara seks anatomi seseorang dengan identiti jantina mereka, atau pengenalan diri sebagai lelaki atau perempuan. Identiti jantina dan orientasi seksual adalah perkara yang tidak sama. Orientasi seksual seorang yang transeksual boleh menjadi heteroseksual, homoseksual atau bisexual (David Sue, 2010).

Golongan yang mengalami ketidaksepadanan antara identiti jantina atau ekspresi jantina dan seks yang ditentukan juga digelar sebagai transeksual iaitu bertukar dari satu jantina yang ke jantina lain. Mereka dilahirkan dengan organ seks yang mereka tidak mahu dan ingin mengubahnya kepada jantina yang berlawanan. Perasaan terperangkap di dalam tubuh badan yang salah mendorong mereka melakukan pembedahan jantina atau melakukan ekspresi yang berlawanan dengan fitrah.

Perbezaan antara Transeksual dan Intersex atau *Hermaphrodite* adalah seperti berikut:

<b>Faktor Perbezaan</b>	<b>Transeksual</b>	<b>Intersex/Hermaphrodite</b>
<b>Jenis Kelainan Seksualiti</b>	Merupakan suatu bentuk kelainan psikologi berupa gangguan identiti gender.	Hermaproditte merupakan suatu bentuk kelainan seksual akibat kromosom.
<b>Bentuk gangguan</b>	Alat kelamin normal, gangguan pada keclaruan identiti gender transeksual tersebut.	Masalah pada penderita Hermaproditte/Pseudohermaprodite adalah jenis kelamin. Jenis kelamin belum dikenalpasti jantina lelaki atau perempuan. Ujian medikal dan psikologi perlu dilakukan.
<b>Rawatan dan Tindakan</b>	Rawatan terapi psikologi.	Rawatan penderita Hermaproditte/Pseudohermaprodite adalah melalui Pembedahan Penyempurnaan Kelamin.
<b>Faktor Penyebab</b>	Merupakan masalah psikologi gangguan identiti gender. Faktor penyebab antaranya persekitaran dan keluarga.	Merupakan ketidaksempurnaan baik dari segi aspek genetik maupun aspek anatomi.
<b>Istilah dalam hukum Islam</b>	Termasuk dalam kategori <i>mukhannas</i> jika lelaki menyerupai perempuan dan <i>mutarajzil</i> jika sebaliknya.	Termasuk dalam kategori khunsa musykil, iaitu sukar dikenalpasti jantina.

**Jadual 1: Perbezaan Transeksual dan Hermaproditte**

### **3. STATUS INTERSEX DAN TRANSEKSUAL MENURUT FIQH ISLAM**

Menurut fukaha, khunsa terbahagi kepada dua jenis iaitu *Khunsa Musykil* (khunsa yang diragui) dan juga *Khunsa Ghair Musykil* (khunsa yang tidak diragui). *Khunsa Musykil* adalah individu yang tidak diketahui langsung jantintanya disebabkan tiada sebarang tanda-tanda yang boleh diklasifikasikan lelaki atau perempuan. Manakala *Khunsa Ghair Musykil* pula ialah individu yang dapat dipastikan jantina. Penentuan kecenderungan jantina adalah berdasarkan kecenderungan fungsi zahir alat kelamin seperti datang haid dan dari saluran mana air kencingnya keluar. Bagi khunsa yang datang haid maka ditentukan jantina wanita. Khunsa yang kencingnya keluar melalui zakar atau baligh dengan mengeluarkan air mani, jantintanya adalah lelaki (Sabuni, 1998).

*Khunsa Musykil* adalah takdir dan ketentuan Allah buat mereka. Justeru, tidak ada halangan untuk mereka memilih jantina mana mereka lebih cenderung selepas tempoh masa tertentu atau

boleh dibuktikan secara klinikal. Pembedahan penyempurnaan jantina diharuskan agar mereka boleh memilih sama ada untuk hidup seperti lelaki atau perempuan (al-Baltaji, 2002).

Manakala transeksual pula ialah seorang lelaki atau yang tingkah lakunya seperti tingkah laku jantina berlawanan sama ada dari segi gerak-gerinya, keadaannya, percakapan dan sebagainya.

Mereka ini dibahagikan kepada dua golongan:

(a) Mereka yang hanya menerima sahaja keadaan tadi sebagai satu pemberian Allah dan tidak membuat sebarang tindakan ransangan untuk menyuburkan lagi keadaan-keadaan tersebut. Ianya bukanlah merupakan sebagai satu kecelaan dan orang mengalami keadaan tersebut tidak menanggung sebarang dosa kerana itu semua adalah kehendak Allah.

(b) Mereka tidak memadai dengan keadaan tersebut, malah bertindak dengan sesuatu yang merangsangkan lagi keadaan-keadaan itu. Mereka mengubah kejadian tersebut dengan melakukan pembedahan atau berpakaian seperti perempuan selain menjalinkan hubungan sejenis. Golongan inilah yang disebutkan di dalam hadis-hadis Nabi Muhammad s.a.w. sebagai orang-orang yang dijauhi rahmat.

Islam sama sekali tidak mengiktiraf golongan ini sebagai salah satu entiti dalam komuniti Islam. Status jantina mereka adalah seperti yang asal walaupun telah menjalani pembedahan penukaran jantina atau pembedahan mengubah anggota badan dan pengambilan hormon.

Ibn ‘Abbas RA berkata:

لعن النبي صلى الله عليه وسلم المختثين من الرجال ، المترجلات من النساء

Maksudnya:

Sesungguhnya Rasulullah SAW melaknat perempuan yang menyerupai lelaki dan lelaki yang menyerupai perempuan.

(Sunan Ibn Majah, Kitab al-Libas, Bab al-Mutashabbihun bi al-Nisa’ wa al-Mutashabbihat bi al-Rijal).

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia telah bersidang bagi membincangkan permasalahan ini. Fatwa berkenaan penukaran jantina lelaki kepada perempuan telah dikeluarkan iaitu:

1. Penukaran jantina daripada lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan adalah haram dari segi syarak, dan
2. Seorang yang dilahirkan sebagai ‘khunsa musykil’ iaitu manusia yang dilahirkan mempunyai dua alat kemaluan lelaki dan perempuan, diharuskan melakukan pembedahan bagi mengekalkan salah satu alat jantina yang benar-benar berfungsi dapat digunakan mengikut keadaan yang sesuai.
3. Seseorang yang dilahirkan lelaki, hukumnya tetap lelaki walaupun jantainya berjaya ditukarkan melalui pembedahan.
4. Seseorang yang dilahirkan perempuan, hukumnya tetap perempuan walaupun jantainya berjaya ditukarkan melalui pembedahan.

Huraian daripada keputusan muzakarah tersebut adalah:

1. Perbuatan menukar jantina sama ada daripada lelaki kepada perempuan atau sebaliknya akan melibatkan implikasi hukum dari segi syarak berkaitan perkahwinan, perwalian, ibadat, kematian dan hal-hal yang berkaitan kerana perbuatan menukar jantina tersebut adalah jelas dilarang dan diharamkan oleh Islam.
2. Lelaki atau perempuan yang tidak nyata alat kelamin mereka sama ada lelaki atau perempuan adalah diharuskan melakukan pembedahan. Seorang lelaki yang menukarkan jantিনanya melalui pembedahan alat kelaminnya kepada alat kelamin perempuan, tidak diiktiraf sebagai perempuan dan sekiranya berkahwin, maka perkahwinan tersebut adalah tidak sah (Aminudin bin Mohamad 2010).

#### 4. PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA GOLONGAN INTERSEX DAN TRANSGENDER

Ulama meletakkan pandangan menurut hukum-hukum Islam bagi golongan intersex ini dari pelbagai aspek seperti ibadat, perkahwinan, pergaulan, pengurusan jenazah dan pembahagian harta pusaka. Pewarisan intersex telah dibincang dalam Undang-undang Pusaka Islam secara terperinci bagi memastikan status dan kedudukan mereka dalam menerima harta pusaka sama ada sebagai seorang waris lelaki atau perempuan.

Menurut Abu Hanifah, *Khunsa Musykil* hanya mendapat bahagian lebih sedikit jika dibandingkan dengan golongan lelaki, juga perempuan. Manakala menurut Malik, Abu Yusuf dan Syiah Imamiyyah, golongan ini berhak menerima hak pusaka secara pertengahan antara bahagian lelaki dan perempuan.

Syafi'i berpandangan masing-masing ahli waris dan *Khunsa Musykil* diberi bahagian paling sedikit dari dua keadaan tersebut, sebab inilah bahagian setiap mereka yang sebenar.

Imam Ahmad berpandangan jika kepastian jantina *Khunsa Musykil* masih dapat ditunggu, maka setiap mereka dan ahli waris mendapatkan bahagian paling sedikit dan bakinya ditahan. Apabila kepastian jantina tidak dapat ditunggu lagi, maka dia mengambil pertengahan antara bahagian lelaki dan perempuan. Inilah pendapat majoriti fukaha dan paling sesuai dilaksanakan.

Ulama faraid dalam penentuan jantina Intersex menetapkan beberapa tanda bagi mengenali jantina mereka. Intersex sebelum baligh jika membuang air kecil dari alat lelaki maka dianggap sebagai waris lelaki, jika membuang air kecil dari alat perempuan maka dianggap sebagai waris perempuan. Tetapi, kalau bersama-sama keluar dari kedua alat kelamin maka sesetengah fukaha menentukan menurut alat kelamin mana yang lebih banyak mengeluarkan air kencing (Al-Qurtubi, 1999).

Apabila seseorang Intersex itu ialah seorang dewasa, maka dia harus dilihat kepada tanda yang dia adalah seorang lelaki seperti tumbuh misai, janggut dan sebagainya. Al-Auza'i dan al-Muzani dalam soal ini berpendapat bahawa ia boleh ditentukan dengan melihat alat yang mana lebih banyak mengeluarkan air kencing. Ibn Syasy dari mazhab Maliki seterusnya berpendapat bahawa jika kedua-dua alat kelamin itu sama banyak mengeluarkan air kencing, maka ia akan ditentukan dengan melihat mana yang lebih dahulu mengeluarkan air kencing. Menurut

Muhammad as-Syaibani bahawa masalah intersex hanya timbul sebelum seseorang itu dewasa, kerana selepas itu akan jelas jantinya. Sebaliknya jika ada tanda bahawa dia seorang perempuan seperti keluar haid, tumbuh buah dada, hamil dan seumpamanya, dia mewarisi pusaka sebagai ahli waris perempuan.

Contoh kiraan pembahagian pusaka menurut pandangan majoriti fukaha boleh dilihat dalam kes si mati telah meninggalkan seorang suami, ibu, dan seorang saudara sebapa intersex. Jadual 2 menunjukkan bahagian yang diperolehi oleh saudara sebapa intersex sebagai salah seorang ahli waris yang berhak ke atas harta si mati. Pihak pentadbir pusaka akan menyerahkan bahagian yang tiada pertikaian sahaja kepada ahli waris manakala bahagian yang wujud pertikaian ditangguhkan sehingga status jantina ditentukan. Merujuk kepada kes, bahagian harta yang tiada pertikaian ialah 19/24 bahagian berjumlah RM19,000.00 yang menjadi milik sah suami, ibu dan saudara sebapa intersex, manakala bakinya sebanyak RM5,000.00 ditangguhkan pembahagiannya. Sekiranya saudara sebapa intersex ditentukan lelaki maka dia hanya mendapat jumlah yang sedia ada sebanyak RM4,000.00. Jika dia ditentukan perempuan maka dia berhak mendapat RM9,000.00 iaitu bahagian yang ditangguhkan pemberian sebanyak RM5,000.00 diserahkan kepada beliau.

Anggap Lelaki			Anggap Perempuan			Nilai Penyama Anggap Lelaki		Nilai Penyama Anggap Perempuan	
		6			8		24		24
1/2	Suami	3	1/2	Suami	3	Suami	12	Suami	9
1/3	Ibu	2	1/3	Ibu	2	Dua Saudara Prp Sebapa	8	Dua Saudara Prp Sebapa	6
Baki	Saudara Sebapa	1	1/2	Saudara Sebapa	3	Bapa Saudara	4	Bapa Saudara	9

Nilai Harta Anggap Lelaki		Nilai Harta Anggap Perempuan		
	RM24,000		RM24,000	
Suami	RM12,000	Suami	RM9,000	
Ibu	RM8,000	Ibu	RM6,000	
Saudara Sebapa	RM4,000	Saudara Sebapa	RM9,000	Penangguhan RM5,000

Jadual 2: Pembahagian Harta Saudara Sebapa Intersex

Dalam kes pertukaran jantina yang berlaku secara alami berikutan perubahan hormon setelah pembahagian pusaka dibuat, maka status harta dikekalkan seperti yang diputuskan sebelumnya. Hal ini berdasarkan kaedah fiqh:

- i. *Al-Asl fi kulli hadis in taqdiruhu bi aqrabi zaman*  
Hukum sesuatu perkara dirujuk kepada waktu yang paling hampir

- ii. *Al-Ijtihad la yunqadh bil ijtihad*  
Sesuatu ijtiḥad tidak dibatalkan dengan ijtiḥad yang lain.

Justeru pembahagian pusaka tidak perlu dilakukan semula atau dipulangkan kepada ahli waris yang lain berikutan fenomena tersebut.

Berbeza dengan golongan transgender yang telah mengubah sifat dan fizikalnya, hukum Islam tetap melayan mereka seperti jantina asal termasuk dalam pembahagian harta pusaka. Ini bermaksud jika penderita ialah seorang lelaki, maka harta yang layak diterima adalah bahagian lelaki. Walaupun dari sudut zahirnya dia kelihatan seperti seorang perempuan.

#### **4.0 KESIMPULAN**

Golongan intersex adalah jantina yang istimewa yang dicipta Allah sebagai ujian kepada makhluknya. Walau bagaimanapun golongan ini hendaklah disantuni dan diberikan keadilan yang sewajarnya sesuai dengan tuntutan syarak dan fitrah manusia. Justeru jalan penyelesaian seperti Operasi Penggantian Kelamin (Sex Reassignment Surgery) harus dilakukan jika keadaan memaksa seperti mengancam jiwa penderita tersebut. Manakala golongan intersex pula sewajarnya didekati melalui proses bimbingan dan pendekatan kerohanian. Tafsiran yang tepat terhadap golongan intersex dan transgender adalah perlu agar tidak menimbulkan keraguan dan salah faham masyarakat dan pihak-pihak yang berkenaan. Penerangan yang jelas akan perbezaan dua golongan ini dari perspektif fiqh dan sains moden adalah perlu. Penentuan status jantina kedua-dua golongan tersebut diperlukan antaranya agar proses pembahagian harta pusaka menepati tujuan pensyariaan.



## 5.0 RUJUKAN

- Al-‘Arabi, Belhaj (2009). *Aḥkām al-Tarikāt wa al-Mawārīth ‘ala al-Ḍau Qānūn al-Ushrah al-Jadid*. Amman: Dar al-Thaqafa.
- Aminudin bin Mohamad (2010). Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Bahagian Pengurusan Fatwa.
- Al-Baltaji, Muhammad (2002). *Fiqh al-Mar’ah fi al-Islām*. Kaherah: Dar Ibn Kathir.
- Fatwa Pertukaran Jantina dari Lelaki kepada Perempuan dan Sebaliknya. Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri. 11 November 1982
- Noresah Baharom *et al.* (Ketua Editor) (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Qurtubi, Muhammad ibn Ahmad (1999). *al-Jami‘ li Ahkam al-Qur’an*. Beirut: Dar al-Basha’ir.
- Al-Sabūni, Muḥammad ‘Ali (1985). *Al-Mawārīth fi al-Sharī’ah al-Islāmiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Sayyid Qutb (1982). *Al-‘Adālah al-Ijtimā’iyyah fi al-Islām*. Beirut: Dar al-Syuruq.
- Al-Shatibi, Ibrāhim ibn Musa (2011). *al-Muwāfaqat fi Usūl al-Sharī’ah*. Mansoura: Dar al-Ghadd al-Jadid.
- Siti Norizan Yusoff (2001). *Memahami Kekeliruan Gender*. Selangor: Nadi Bangi Sdn. Bhd.
- Wan Azmi Ramli (1991). *Dilema ‘Mak Nyah’: Suatu Ilusi*, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Zaliha Tak (1998). *Khuntha dan Mukhannas menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Al-Zuhayli, Wahbah (1997). *Al-Fiqh al-Islāmi wa Adillatuhu*. Damsyiq: Dar al-Fikr.